

Lelaki 69 tahun korban terbaharu COVID-19 di Sarawak
Astro Awani
21 April 2020

KUCHING: Lelaki warga emas merupakan korban terbaharu COVID-19 di Sarawak menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian di negeri itu 15 kes.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, mangsa berusia 69 tahun mula menunjukkan simptom sakit pada 3 April sebelum dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak dan disahkan positif wabak itu pada 7 April lalu.

"Mangsa ke-15 kes kematian adalah seorang lelaki berusia 69 tahun. Kes mempunyai co-morbid dan telah meninggal dunia pada 21 April (hari ini) pada jam 2.28 pagi di Hospital Umum Sarawak.

"Kes juga tidak mempunyai sejarah kontak kepada mana-mana kes positif COVID-19 yang dikenal pasti setakat ini," katanya pada sidang media perkembangan COVID-19 di Sarawak pada Selasa.

Tambah Uggah, sebanyak 22 kes baharu positif COVID-19 dilaporkan pada Selasa menjadikan jumlah bilangan kes di sarawak 436 kes.

Kata beliau, kesemua 22 kes itu dirawat di Hospital Umum Sarawak.

Selain itu, Uggah menjelaskan setakat ini terdapat enam kluster di sarawak melibatkan kes positif.

Ia adalah Persidangan Kuching 139 kes positif; Tabligh (95 kes); Family RK (59); 17 sub kluster (57 kes); tiga kluster kecil tidak diketahui jangkitan (10 kes) dan masih dalam siasatan 76 kes.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-69-tahun-korban-terbaharu-covid-19-di-sarawak-239468>